

HAMIL LUAR NIKAH: MEMAHAMI REMAJA SEBAGAI ASAS INTERVENSI KELUARGA

(Unwed Pregnancies: Understanding Adolescent as a Basic of Family Intervention)

Sarnon, N., Mohamad, M. S, Fauziah, I, Alavi, K., Nen, S., Hoesni, S.M, Zaizul, R., Wan Azreena, J.

ABSTRAK

Penglibatan remaja perempuan dengan aktiviti seks sangat berisiko mengundang kepada kehamilan luar nikah di samping jangkitan HIV/AIDS dan jangkitan seksual yang lain. Artikel ini bertujuan untuk memahami perkembangan seks remaja, pengaruh perkembangan sehingga berlakunya kehamilan dan mencadangkan intervensi keluarga yang boleh digunakan oleh mereka yang terlibat dalam profesion pertolongan. Metod kajian yang digunakan adalah kajian perpustakaan. Artikel konseptual ini juga melibatkan asas intervensi iaitu pendekatan sistem teori, intervensi krisis, dan penyelesaian masalah yang boleh dilaksanakan ke atas keluarga yang sedang dibelenggu masalah kehamilan remaja.

Kata kunci: *Remaja Hamil, Luar Nikah, Seks Berisiko, Intervensi Keluarga, Perkembangan Remaja*

ABSTRACT

The involvement of adolescent in sexual activity is at high risk of adolescent pregnancy as well as being infected with HIV / AIDS and other sexually transmitted disease. This article aims to understand the sexual development of adolescents, the influence of the development until the occurrence of pregnancy and suggests that family interventions can be used by those involved in the helping profession. This study applied library research as its methodology. This conceptual article also includes basic theory of system behavior intervention, crisis intervention, and problem solving that can be performed on a family that was plagued by the problem of teenage pregnancy.

Keywords: *Adolescent pregnancies, out of wedlock, High risk sexual, Family Intervention, Adolescent developmental*

PENDAHULUAN

Kajian-kajian terdahulu menunjukkan bahawa usia penglibatan remaja dalam tingkah laku seks berisiko kini semakin awal iaitu bermula sejak kanak-kanak lagi. Semakin ramai dalam kalangan kanak-kanak lelaki dan perempuan di negara-negara membangun terlibat dengan hubungan seks sebelum umur mereka 15 tahun (Dixon-Muller, 2009). Penglibatan remaja dalam aktiviti seksual pada usia yang muda boleh menyebabkan kemudaratan kepada emosi, fizikal dan sosial kanak-kanak (Jejeebhoy, Shah & Thapa, 2005) terutama kepada kanak-kanak/remaja perempuan (Hindin & Fatusi, 2009). Di Malaysia, lebih 300 orang kanak-kanak dan remaja Melayu, 13 hingga 25 tahun didapati terlibat dengan salah laku seksual dan seks bebas sehingga menyebabkan kehamilan dan melakukan pengguguran janin (Mohammad Shatar Sabran, 2003). Dalam masa yang sama Malaysia sedang menghadapi dilema sosial yang melibatkan

peningkatan kes pembuangan bayi. Purata sebanyak 100 orang bayi dibuang di Malaysia setiap tahun dan kebanyakannya telah mati apabila ditemui (Pak, 2010). Senario ini mewujudkan kebimbangan kepada semua pihak sehingga kerajaan Malaysia bersama NGO iaitu OrphanCARE mewujudkan Pusat Perlindungan Bayi yang tidak diingini (*Baby Hatch*) pada tahun 2010. Walaupun kesilapan tidak diletakkan kepada kumpulan remaja seratus peratus, namun statistik menunjukkan bahawa kumpulan ini turut sama banyak menyumbang kepada pengguguran janin dan pembuangan bayi. Sumber statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM) sehingga tahun 2009, julat umur di bawah 25 tahun menyumbang 12% berbanding kumpulan umur 25 tahun ke atas sebanyak 0.06% dan 81.25% tidak diketahui (Jadual 1).

Jadual 1: Usia Terlibat dengan Pembuangan Bayi yang Dikenalpasti

Umur	Tahun						JUMLAH
	2004	2005	2006	2007	2008	2009	
Bawah 18 tahun	4	0	1	3	7	5	20
18 – 25 tahun	10	9	2	7	5	7	40
25 tahun ke atas	8	5	2	5	8	5	33
Tidak diketahui	61	54	78	84	84	63	403
Jumlah	83	68	83	78	104	80	496

Sumber: PDRM, 2010

Oleh yang demikian, artikel ini cuba untuk memahami remaja daripada perspektif psikologi perkembangan dan melihat intervensi yang boleh diguna pakai semasa proses pertolongan dilakukan terhadap remaja yang telah hamil luar nikah.

PERKEMBANGAN MELAMPAU SEKS DI ZAMAN REMAJA

Remaja merupakan golongan yang sedang aktif dengan perkembangan semulajadi seksual, fizikal dan mental. Mereka berhadapan dengan perubahan biologi yang dramatik, pengalaman dan tugas baru (Santrock, 2008). Sejak dahulu lagi zaman remaja dikenali sebagai satu tempoh masa yang dipenuhi konflik dan memberontak iaitu “*storm and stress*” (Hall, 1904). Ahli psikologi percaya bahawa mereka memerlukan penyesuaian diri dengan segala perubahan yang dialami. Perasaan dan tindakan remaja berkonflik antara rasa angkuh dengan rasa rendah diri, antara rasa keseronokan dan kemurungan, dan antara baik dengan mudah terpengaruh. Tugas remaja pada peringkat ini adalah untuk mempelajari bagaimana mempercayai orang lain, mencari identiti yang stabil, mengetengahkan pelbagai persoalan hidup, persoalan tentang intimasi, hubungan moraliti dan rakan sebaya. Tugas ini adalah penting bagi remaja kerana mereka ingin mengetahui peranan yang baru dalam usaha mencipta masa depan mereka (Santrock, 2008).

Selain terpaksa berhadapan dengan peranan baru tersebut, remaja turut berhadapan dengan perubahan semulajadi seks kerana peringkat remaja merupakan peringkat perkembangan seks yang paling aktif (Glasier et al, 2006). Seseengah hormon meningkat secara mendadak pada peringkat ini seperti hormon testosteron bagi lelaki manakala estradiol bagi perempuan (Hughes & Kumanan, 2006). Pada peringkat ini remaja berminat untuk meneroka dan bereksperimen tentang seksual, fantasi dan realiti dalam usaha menyesuaikan dengan identiti (Santrock, 2008; Steinberg, 2007). Remaja mula mempunyai keinginan untuk mengetahui

tentang seksual, berfikir tentang tarikan seksual dan bagaimana untuk melakukan seks (Steinberg, 2007). Mereka sudah pandai berimajinasi tentang seksual seterusnya menjalinkan percintaan berlainan jantina ekoran pengaruh tugas perkembangannya (Hurlock, 1980), secara tidak langsung ia mendorong kepada melakukan seks. Walau bagaimanapun, kebanyakan mereka keliru semasa perkembangan seksual berlaku pada peringkat ini (Steinberg, 2007). Kegagalan menyesuaikan diri dengan tugas perkembangan yang berlaku menyebabkan remaja berada dalam keadaan kekeliruan, tertekan hingga akhirnya ada yang tersilap dalam membuat keputusan terjebak dengan aktiviti seks tanpa nikah.

REMAJA DAN KEHAMILAN LUAR NIKAH

Istilah seks tanpa nikah lebih dikaitkan dengan konteks keagamaan dan kajian-kajian (contohnya: Abdessamad 1998; McCree, 2003) menunjukkan istilah ini lebih difahami oleh remaja yang beragama Islam dan Kristian. Walau bagaimanapun secara praktisnya, kesedaran tentang risiko akibat seks tanpa nikah ini ditekankan oleh semua agama kerana seks tanpa nikah boleh menyebabkan pelbagai masalah sosial yang lain seperti kehamilan luar nikah, pengguguran dan masalah kesihatan. Malangnya, amalan seks tanpa nikah kini bermula di usia yang muda dan saban hari kian meningkat (Mariani & Hamidah, 2008). Kajian sejak 1990an (Horan, Phillips & Hagan, 1998; Sanders & Reinisch, 1999) pula mendedahkan bahawa ramai remaja yang tidak menganggap tingkah laku bukan persetubuhan (seperti ciuman mulut, berpelukan erat, meraba anggota pasangan) adalah sebagai 'seks'. Ini merupakan indikator bahawa tingkah laku seks bukan persetubuhan semakin dapat diterima dalam kalangan remaja kini.

Kehamilan luar nikah dalam kalangan remaja pula merujuk kepada remaja yang di bawah umur yang hamil tanpa ikatan yang sah (WHO, 2006). Kajian menunjukkan remaja yang terlibat dengan aktiviti seksual semasa umur masih muda didapati mempunyai lebih banyak pasangan, lebih kerap melakukan seks (Mcbride, Paikoff, & Holmbeck, 2003), melakukan seks tanpa perlindungan (Cavanaugh, 2004) yang mana akhirnya ramai dalam kalangan mereka yang sangat berisiko kepada jangkitan seksual dan kehamilan (Mcbride et al, 2003). Di Malaysia, kes-kes kehamilan luar nikah merupakan punca utama kepada kes pembuangan bayi (Bernama, 2011). Ekoran kejadian pembuangan bayi yang berleluasa ini, Malaysia mengambil langkah tegas dengan meletakkan kes pembuangan bayi disiasat sebagai kes bunuh (Seksyen 302 Kanun Keseksan yang membawa hukuman mati) atau percubaan membunuh (Seksyen 307 yang membawa penjara maksimum 20 tahun) berbanding sebelum ini semua kes pembuangan bayi disiasat mengikut Seksyen 31 Akta Kanak-kanak yang membawa hukuman denda yang lebih ringan iaitu maksimum RM20,000 atau penjara 10 tahun atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Kebanyakan remaja adalah tidak bersedia secara emosinya untuk melakukan seks, dan penglibatan remaja dengan seks pada usia yang muda berpunca daripada masalah penyesuaian (Bingham & Crockett, 1996). Selain itu, tekanan rakan sebaya turut mempunyai pengaruh yang besar dalam kumpulan sosial (Barbara, 2006). Apabila ditekan oleh rakan atau pasangan untuk melakukan seks, remaja kurang kemahiran untuk menolak dan ada juga remaja yang ingin mencuba melakukan seks untuk diterima oleh kumpulan sosialnya. Remaja kurang berkemampuan untuk mengenali risiko seksual kerana kurang perkembangan kognitif dan sosial; hasilnya mereka tidak menggunakan kaedah pencegahan kehamilan yang biasa dilakukan oleh orang dewasa (Mcbride et al, 2003). Rentetan daripada kehamilan di usia muda, risiko yang

terpaksa ditanggung bukan sahaja kepada remaja itu sendiri malahan turut melibatkan bayi yang bakal dilahirkan yang biasanya kurang berat badan, mengalami masalah neurologi, dan masalah kesihatan (Malmitis-Puchner & Boutsikou, 2006).

KELUARGA SEBAGAI PELINDUNG

Isu kehamilan luar nikah banyak melihat kesilapan golongan remaja yang terlalu menurut hawa nafsu melakukan seks hingga menyebabkan kehamilan. Walau bagaimanapun, seharusnya masyarakat menyedari bahawa masalah remaja pada hari ini bukan sahaja berpunca daripada diri remaja itu sendiri, sebaliknya akibat daripada kesan hubungan dengan orang dewasa terutama keluarga (Siegel, Welsh & Senna, 2006). Remaja memerlukan penerokaan kepada peluang dan sokongan yang berpanjangan dan mendalam daripada orang dewasa sebagai pembimbing mereka (Hamburg & Hamburg, 2004). Perkembangan sikap terhadap hubungan heteroseksual dan seksualiti, pembelajaran tentang norma yang sesuai, sebenarnya bermula sejak daripada awal kehidupan dan proses ini dipengaruhi oleh persekitaran tingkah laku dan nilai sesebuah keluarga (Khalaj, 2011).

Keluarga telah dikenalpasti sebagai faktor pelindung kepada tingkah laku seks berisiko kerana terdapat komunikasi yang berkesan dan perapatan antara ahli keluarga yang diekspresikan melalui sikap dan tanggungjawab ahli keluarga (Shaffer, 2005). Remaja yang mempunyai perapatan kukuh dengan ibu bapa mereka kurang mencuba untuk membentuk ikatan dengan rakan sebaya yang terlibat dengan salah laku (Calvert, 2002). Apabila remaja mempunyai hubungan kekeluargaan yang longgar, mereka akan mengukuhkan hubungan yang lebih rapat dengan rakan sebaya. Ini akan mengembangkan kemahiran-kemahiran tertentu sama ada sedar atau tidak kepada aktiviti berada di luar rumah, mengikut rakan, meninggalkan rumah sehinggalah kepada aktiviti melakukan seks. Kebanyakan remaja tersebut memiliki kemahiran yang belum cukup sempurna atau pramatang dalam meninggalkan rumah, mengikut pasangan dan melakukan seks sebelum kemahiran itu benar-benar dipelajari dengan sempurna dan diperlukan iaitu ketika mereka berkahwin kelak. Kesemua kemahiran ini terbentuk tanpa disedari oleh keluarga dan ia perlu diawasi.

Kajian turut menunjukkan bahawa remaja cenderung untuk melakukan seks apabila ia kurang pengawasan selepas waktu sekolah (Barbara, 2006). Tingkah laku seksual berisiko kurang berlaku apabila adanya pemantauan oleh ibu bapa (Wight, 2006). Di Malaysia, kajian terhadap 102 orang remaja hamil luar nikah menunjukkan bahawa terdapat hubungan antara kehamilan remaja dengan penglibatan dengan aktiviti yang tidak diawasi selepas waktu sekolah (Omar et al, 2010). Oleh yang demikian, peranan ibu bapa terhadap remaja seharusnya lebih bersifat membimbing dan memantau berbanding dengan zaman kanak-kanak yang lebih bersifat mengajar dan mendidik. Pada waktu ini ibu bapa perlu menyediakan sokongan terhadap perubahan-perubahan fizikal, emosi dan seksual yang dihadapi oleh remaja. Komunikasi adalah penting, walau bagaimanapun kebanyakan ibu bapa tidak berbincang tentang kesihatan seks dan reproduktif dan meninggalkan remaja untuk mencari serta memahami sendiri pengetahuan yang kritikal ini bersendirian (Hindin & Fatusi, 2009). Fulkerson (2006) pula mendapati bahawa kekerapan makan bersama keluarga turut memberi kesan mengurangkan tingkah laku berisiko, namun kesempatan ini kurang diambil perhatian oleh ramai ibu bapa. Seharusnya ibu bapa perlu bijak memberi sokongan kepada remaja apabila diperlukan terutama dalam memberi maklumat

tentang seks dan mengundur diri sedikit apabila tidak diperlukan kerana fitrah remaja memerlukan privasi dan kebebasan.

INTERVENSI KELUARGA

Negara seperti Perancis, Sweden, United Kingdom dan Canada banyak membantu remaja hamil dengan latihan vokasional, pendidikan, mencari pekerjaan dan bantuan pengangguran (Boonstra, 2002). Sokongan tersebut ditawarkan adalah bagi membantu remaja untuk merancang masa hadapan dan memberi kemampuan penjagaan kepada anak selepas lahir. Berbanding dengan negara Amerika Syarikat, mereka lebih menekankan tanggungjawab individu dalam remaja terbabit terhadap kebajikan masing-masing yang melibatkan pendidikan, latihan dan pekerjaan adalah tanggungjawab remaja dengan bantuan ibu bapa (Boonstra, 2002). Di Malaysia, kerajaan banyak memberi pilihan kepada remaja hamil luar nikah sama ada untuk berada di institusi rumah perlindungan kerajaan mahupun NGO, mendaftarkan anak yang bakal lahir kepada keluarga angkat melalui akta pengangkatan anak ataupun remaja itu sendiri diletakkan di bawah jagaan ibu bapa di rumah. Walau bagaimanapun, remaja hari ini lebih suka untuk menyelesaikan masalah kehamilan yang dihadapinya sendiri sehingga sanggup membuang bayi. Faktor utama perkara ini berlaku ialah kerana remaja bimbang kehamilannya diketahui oleh ibu bapa kerana kebanyakan ibu bapa tidak dapat menerima kesilapan yang telah mereka lakukan ekoran stigma masyarakat yang tinggi terhadap mereka yang hamil tanpa nikah.

Pekerja sosial mahupun kaunselor sangat berperanan dalam membantu keluarga yang sedang berhadapan dengan masalah kehamilan remaja ini. Intervensi keluarga merupakan fokus utama praktis kerja sosial sejak awal profession (Collins, Jordan & Colmen, 2010). Dalam kes remaja hamil luar nikah, pendekatan sistem keluarga, krisis intervensi dan pendidikan penyelesaian masalah sesuai digunakan semasa mengendalikan kes.

Intervensi Krisis

Kehamilan yang membelenggu remaja merupakan tekanan yang tidak dijangkakan berlaku dalam sesebuah keluarga mengakibatkan wujudnya rasa kekecewaan (Baker 1999), keluarga berada dalam situasi yang sukar dilalui (Homeier, 2005) dan berlakunya krisis (Baker, 1999). Adalah sesuatu yang memalukan bagi sesebuah keluarga apabila mengetahui anak mereka hamil kerana budaya telah membentuk patologi bahawa mempunyai anak pada usia yang muda adalah satu kesalahan (Baker, 1999) dan dalam masa yang sama ahli keluarga turut sama terkesan.

Realitinya, remaja hamil itu sendiri tidak mampu berdaya tindak (*coping*) dan sukar untuk mengendalikan masalahnya sendiri serta memerlukan bantuan daripada ahli keluarga. Keluarga perlu menyedari keperluan remaja pada masa tersebut, maka komunikasi antara satu sama lain terutama apabila emosi remaja sedang dalam keadaan tidak stabil perlu berlaku dengan baik (Homeier, 2005).

Intervensi krisis bersama keluarga dilakukan menggunakan teknik yang sama dengan intervensi krisis ke atas individu. Ia dilakukan kepada seorang atau dua ahli keluarga bermula dengan individu yang memerlukan bantuan. Dalam kes ini, penekanan adalah kepada membantu remaja yang berada dalam krisis dan dalam masa yang sama membantu ibu bapa supaya dapat meleraikan krisis yang akhirnya dapat memberi faedah kepada remaja tersebut. Ia menekankan konsep '*here and now*' dan berfokus kepada situasi dan tindakan (Aguilera, 1998). Dalam situasi

krisis ini, keluarga biasanya tidak dapat melihat pilihan dan kemungkinan. Reaksi emosi ibu bapa yang tidak rasional perlu diperbaiki dan fokus bermula kepada bagaimana untuk memberi sokongan fizikal dan emosional kepada remaja hamil tersebut. Apabila krisis telah dilearikan, minda keluarga akan lebih terbuka untuk meneroka pilihan dan menyelesaikan masalah.

Dalam masa yang sama, remaja akan merasai bahawa mereka tidak dibiarkan bersendirian semasa melalui kehamilan. Ibu bapa boleh berperanan membantu mengubah kognitif remaja dengan menerangkan bahawa perbezaan reaksi saudara mara, jiran dan rakan-rakan adalah tidak penting serta tidak membantu dalam situasi ini. Apabila keluarga telah stabil seperti mana sebelum wujudnya krisis, maka secara tidak langsung proses menolong remaja akan lebih mudah. Ibu bapa akan lebih mudah membantu remaja untuk memahami tanggungjawab baru dan besar yang bakal dipikul memandangkan mereka tidak lagi matang secara fizikal, mental, dan emosi.

Membangunkan Kemahiran Penyelesaian Masalah

Pendekatan kemahiran penyelesaian masalah ini lebih mudah dilaksanakan apabila ibu bapa atau ahli keluarga yang telah berada di peringkat penerimaan. Dalam peringkat ini, ibu bapa seharusnya telah mengubah sikap dan pandangan mereka terhadap masalah kehamilan yang sedang dihadapi lantas berfokus untuk membantu remaja hamil tersebut ke arah kehidupan yang lebih baik. Keluarga yang tidak terurus biasanya kurang kemahiran dalam penyelesaian masalah (Collins, Jordan & Colmen, 2010). Keluarga perlu mempelajari bagaimana untuk berhadapan dengan masalah yang datang tanpa diduga ini. Bantuan daripada pekerja sosial atau kaunselor dapat membantu mengajar bagaimana untuk menyelesaikan masalah kehamilan luar nikah yang sedang dihadapi.

Keluarga dan remaja terlibat perlu berbincang cara penyelesaian terbaik, mengidentifikasi keperluan dan matlamat mereka yang dipersetujui oleh semua ahli. Pembuatan keputusan mesti mengambil kira keutamaan kepada apa yang terbaik bagi remaja hamil tersebut. Antara isu yang boleh diberi perhatian ialah kesihatan remaja dan bayi yang dikandung, persekolahan yang sedang diikuti sehinggalah kepada penjagaan bayi yang bakal dilahirkan. Kajian oleh Omar et al. (2010) menunjukkan bahawa kebanyakan remaja hamil luar nikah di Malaysia mengalami masalah anemia, komplikasi semasa pranal, bayi pramatang dan skor Apgar (kaedah secara cepat menilai keadaan kesihatan bayi baru lahir sesaat setelah kelahiran) yang rendah. Mereka juga tidak mengunjungi klinik antenatal, tidak pasti tentang tarikh jangkaan kelahiran dan lewat membuat tempahan hospital (Omar et al., 2010). Oleh yang demikian, seharusnya keluarga perlu membantu remaja hamil untuk berhadapan dengan cabaran-cabaran sedemikian demi kepentingan diri dan bayi.

Mungkin ada baiknya untuk ibu bapa remaja terbabit bertemu dengan ibu bapa pasangan anak mereka untuk berbincang secara terbuka. Keluarga boleh menggunakan khidmat pekerja sosial yang berperanan sebagai orang tengah (mediator) untuk membantu kelancaran perbincangan. Jika keluarga dan remaja telah memutuskan untuk menyerahkan anak yang bakal dilahirkan kepada keluarga lain, maka mereka perlu mengenal pasti keluarga angkat tersebut atau menyerahkannya kepada institusi yang boleh membantu seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat atau Kementerian Kesihatan Malaysia.

Pendekatan Sistem Keluarga

Teori Sistem Keluarga menyediakan rangka kerja konseptual untuk meneroka hubungan keluarga dan memahami kefungisian mereka (Collins, Jordan & Coleman, 2010). Fokus intervensi adalah kepada bagaimana ahli-ahli dalam keluarga mempengaruhi antara satu sama lain, berbanding dengan tingkah laku setiap ahli. Remaja hamil luar nikah sangat memerlukan sokongan dan galakkan sedangkan realiti yang dihadapi adalah stigma daripada masyarakat mahupun ahli keluarga sendiri. Bagi keluarga yang di tahap penafian (*denial*), keluarga memerlukan pertolongan luar seperti pekerja sosial, kaunselor mahupun individu yang boleh membantu untuk melakukan perubahan supaya penyelesaian kepada masalah menjadi lebih berkesan.

Respon yang biasa wujud pada awal pendedahan remaja hamil ialah ibu bapa merasa marah, malu dan menafikan. Dalam mengekalkan *homeostasis*, keluarga menggunakan banyak perhatian (yang dilihat sebagai tenaga) pada peringkat awal untuk marah, meminggirkan ahli keluarga yang bermasalah dan akibatnya tekanan yang hebat terpaksa diterima oleh remaja yang telah hamil itu. Kebanyakan individu dalam keluarga merasa sukar untuk menerima bahawa mereka juga merupakan penyumbang kepada perkembangan masalah remaja hamil. Kebanyakan masalah remaja sebenarnya mewakili kesilapan mengawal remaja dalam masa remaja berusaha untuk mendapatkan kebebasan dan autonomi seperti orang dewasa. Semasa tempoh ini, remaja bersusah payah untuk mengenali diri mereka sendiri termasuklah membuat keputusan dan berhadapan dengan krisis perkembangan yang kebiasaannya tidak diberi perhatian oleh ibu bapa.

Dalam pendekatan ini, ahli dalam keluarga merupakan entiti sokongan sosial utama yang diperlukan oleh remaja hamil. Walau bagaimanapun, dalam kebanyakan praktis, tahap penafian ibu bapa selalunya berpanjangan dan kebanyakan ibu bapa lebih suka membawa anak mereka ke satu institusi perlindungan dengan harapan membuat pemulihan kepada tingkah laku bermasalah remaja semasa dalam tempoh kehamilan. Dalam masa yang sama, ada yang berpandangan keluarga dapat menutup rasa malu terhadap masalah yang dihadapi kerana stigma yang tinggi bakal diterima sebaik sahaja orang luar tahu adanya ahli keluarga yang hamil luar nikah. Keluarga akan cuba mengekalkan *homeostasis*; bagi mengelakkan usaha (tenaga) berlebihan dengan harapan semuanya akan menjadi harmoni seperti sedia kala seperti sebelum masalah ini terjadi. Jika harapan keluarga adalah untuk mengubah tingkah laku remaja agar insaf dan tidak lagi melakukan seks dengan menghantar remaja ke institusi perlindungan/pemulihan, situasi ini adalah kurang menyumbang kepada perubahan tingkah laku yang konsisten kerana dalam tempoh remaja berada di institusi, keluarga tidak diberi apa-apa intervensi dan hanya mula bersedia untuk melakukan perubahan apabila remaja tersebut keluar daripada institusi perlindungan. Sekali lagi, ibu bapa terpaksa melakukan penyesuaian peranan sebagai datuk atau nenek dalam masa yang sama mempunyai tekanan lain kerana kelahiran cucu luar nikah. Dwi tekanan ini menyebabkan penyesuaian peranan sukar dilakukan oleh ibu bapa dengan sebaiknya yang akhirnya memberi kesan semula kepada remaja hamil terbabit.

KESIMPULAN

Dalam mengendalikan kes hamil luar nikah, intervensi keluarga yang melibatkan pemahaman terhadap perkembangan remaja adalah amat penting dijalankan oleh mereka yang terlibat dalam profesion pertolongan. Selain mampu untuk meleraikan krisis yang berlaku dalam keluarga intervensi ini juga dapat menggalakkan pemulihan dilakukan dalam persekitaran semulajadi

remaja hamil tersebut. Secara tidak langsung, ini akan memberikan semula kepercayaan terhadap keluarga, dan perhatian terhadap remaja hamil yang sememangnya sangat tertekan dalam menyesuaikan diri menerima peranan baru iaitu sebagai seorang ibu.

RUJUKAN

- Abdessamad, D. 1998. Moroccan Youth, Sex and Islam. *Middle East Report, Power and Sexuality in the Middle East*, 206, 16-17.
- Aguilera, D. C. 1998. *Crisis intervention: Theory and methodology*. St. Louis, Mo: Mosby.
- Baker, 1999. Teenage pregnancy and the midwife: exhuming the sosial exclusion report. 2002, from <http://www.radmid.demon.co.uk/teenpreg.htm>. Accessed: 20/1/12
- Barbara,W. 2006. [Teen dating: A mom's guide](#). *Good housekeeping*, 243 (1), 108-111.
- Bername. Mei 2011. *Takut Punca Buang Bayi*. Berita Harian.
- Bingham & Crockett. 1996. Longitudinal adjustment pattern of boys and girls experiencing early, middle and late sexual intercourse. *Developmental Psychology*, 32, 647-658.
- Boonstra, H. 2002. *The guttmacher report on public policy*, 5 (5), 10-13.
- Bronfenbrenner, U. 1979. *The ecology of human development: Experiments by nature and design*. Cambridge: Harvard University Press.
- Calvert, A. J. 2002. Neighborhood disorder, individual protective factors and the risk of adolescent delinquency. *The ABNF Journal*, 13, 127-135.
- Cavanaugh, S.E. 2004. The sexual debut of girls in adolescent: The intersection of race, puberty timing, and friendship group characteristics. *Journal Of Research on Adolescent*, 14, 285-312.
- Collins, D., Jordan, C. & Coleman, H. 2010. *An Introduction To Family Sosial Work*. 3rd edition. Cengage Learning, USA: Balemont.
- Dixon-Mueller, R. 2009. Starting young: Sexual initiation and HIV prevention in early adolescence. *AIDS Behavior*, 13, 100-109.
- Fulkerson, J.A., Story, M., Mellin, A., Leffert, N., Neumark-Sztainer D., & French S.A. 2006. Family dinner meal frequency and adolescent development. *Health*, 39, 337-337.
- Glasier, A., Gulmezoglu, A. M., Schmid, G. P., Moreno, C. G. & Van, L. P. F. 2006. Sexual and reproductive health: a matter of life and death, *The Lancet*, 368, 9547, 1595- 1607.
- Hall, G.S. 1904 *Adolescent*. 2nd edition. New York: Appleton

- Hamburg, B. & Hamburg, D. 2004. On the future of adolescent psychology in R. Lerner & L. Steinberg (Eds). *Handbook of adolescent psychology*. New York: Wiley.
- Hindin, M.J. & Fatusi, A.O. 2009. Adolescent Sexual and Reproductive Health in Developing Countries: An Overview of Trends and Interventions. *International Perspectives on Sexual and Reproductive Health*, 35 (2), 58-62.
- Homeier, B. 2005. When Your Teen is having a Baby, http://kidshealth.org/parent/positive/talk/teen_pregnancy.html. Accessed: 20/1/12.
- Horan, P. F., Phillips, J. & Hagan, N.E. 1998. The meaning of abstinence for college students. *Journal of HIV AIDS Prevention Education Adolescent Children*, 2, 51– 66.
- Jejeebhoy, S. J., Shah, I. & Thapa, S. 2005. *Sex without consent: Young people in developing countries*. Zed Books, New York; London.
- Khalaj, F., Farahani, A., Cleland, J., Hooshang, A. & Mehryar. 2011. Associations Between Family Factors and Premarital: Heterosexual Relationships Among Female College Students in Tehran. *International Perspectives on Sexual and Reproductive Health*, 37(1), 30-39.
- Mariani Md Nor & Hamidah Sulaiman. 2005. *Seks Bebas: Mengenalpasti punca perlakuan seks dalam Roziah Omar & Sivamunyam Pandian. Malaysia Isu-isu Sosial Semasa*. Unit Penerbitan ISM, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat, Kuala Lumpur.
- Malmitis-Puchner, A. & Boutsikou, T. 2006. Adolescent Pregnancies and Perinatal Outcome. *Pediatric Endocrinology Review*, 3, 170-171.
- McBride, C. K., Paikoff, R. L. & Holmbeck, G. N. 2003. Individual and family influences on the onset of sexual intercourse among urban African American adolescents. *Journal of Consulting and Clinical Psychology*, 71, 159–167.
- McBride, C. K., Paikoff, R. L. & Holmbeck, G. N. 2003. Individual and Familial Influences on the Onset of Sexual Intercourse Among Urban African American Adolescents. *Journal of Consulting and Clinical Psychology*, 71(1), 159-167.
- McCree, D. H., Wingood, G. M., Diclemente, R., Davies, S. & Hittington, K. F. 2003. Religiosity and risky sexual behavior in African-American adolescent females. *Journal of Adolescent Health*, 33,1, 2-8.
- Mohd Satar Sabran. 2003. *Pengenalan Kepada Masalah Sosial*. Universiti Putra Malaysia, Serdang.

- Omar, K., Hasim, S., Muhammad, N.A., Jaffar, A., Hashim, S.M. & Siraj, H.H. 2006. Adolescent pregnancy outcomes and risk factors in Malaysia. *International Journal of Gynecology & Obstetrics*, 111 (3), 220-223.
- Pak, J. 2010 Growing problem of abandoned babies in Malaysia. BBC News Asia-Pacific. 21st August 2010 (on-line) Available at: <http://www.bbc.co.uk/news/world-asia-pacific-11050427> (Accessed: 20/1/12).
- Pollin, I. & Kanaan, S. B. 1995. *Medical crisis counseling: Short-term therapy for long-term illness*. New York: W.W. Norton.
- Sanders, S.A. & Reinisch, J. M. 1999. Would you say you “had sex” if . . .?. *JAMA*, 281, 275–277.
- Santrock, J.W. 2008. *Life-Span Development*. 11th edition. Mc Graw-Hill; New York.
- Siegel, L.J., Welsh, B.C. & Senna, J.J. 2006. *Juvenile Delinquency; theory, practice, and law*. 9th edition. Thomson; Wadsworth, Canada.
- Steinberg, L. 2007. *Adolescence* (8th Edition). New York: McGraw-Hill.
- Wight, D., Williamson, L. & Henderson, M. 2006. Parental influences on young people’s sexual behavior: A longitudinal analysis. *Journal of Adolescent*, 29, 473-473.

Norulhuda Binti Sarnon @ Kusenin
Pusat Pengajian Psikologi dan Pembangunan Manusia,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
UKM, Bangi, Selangor
norul@ukm.my